

## **Tahap Penggunaan TV Pendidikan Dan Tahap Kesiapan Penggunaan EDUWEBTV Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Johor Bahru**

Johari Hassan & Nor Hafiza Azne Abd Aziz

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Keperluan media pengajaran berbentuk elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran sememangnya mendapat tempat dalam system pendidikan negara pada masa kini. Maka, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap penggunaan TV Pendidikan dan tahap kesediaan penggunaan EDUWEBTV dalam kalangan guru Sekolah Rendah di Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada kekerapan menonton, kepentingan TV Pendidikan serta masalah yang dihadapi dalam menggunakan TV Pendidikan. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada tahap pengetahuan guru tentang EDUWEBTV, kesediaan guru mengaplikasikan pengetahuan sedia ada serta masalah-masalah awal yang dihadapi dalam menggunakan EDUWEBTV. Instrumen kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang diedarkan kepada seramai 150 orang responden dari 2 jenis sekolah rendah yang dipilih secara rawak berkelompok. Data ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 11.5. Statistik deskriptif iaitu min, frekuensi dan peratusan serta statistik inferensi seperti ujian-t dan ANOVA digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan TV Pendidikan adalah di tahap yang rendah. Namun, majoriti responden menyedari akan kepentingan TV Pendidikan. Manakala, masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam menggunakan TV Pendidikan ialah masalah percanggahan jadual waktu. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kekerapan menonton antara kedua-dua jenis sekolah. Bagi EDUWEBTV, tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru menggunakan EDUWEBTV adalah di tahap yang sederhana. Manakala, masalah utama yang dihadapi ialah kekurangan kemahiran dalam menggunakan EDUWEBTV. Oleh yang demikian, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan lagi minat terutamanya dalam penggunaan EDUWEBTV secara lebih sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Katakunci : TV pendidikan, EDUWEBTV

### **Pengenalan**

Wawasan 2020 yang diumumkan pada tahun 1991 telah mencadangkan beberapa panduan untuk kemajuan negara Malaysia dalam abad ke dua puluh satu. Ini jelas dapat dilihat dalam falsafah pendidikan negara yang mengutarakan sembilan cabaran. Cabaran yang ke enam di dalam pendidikan ke arah Wawasan 2020 telah ditekankan teknologi perlu diutamakan dalam pendidikan.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Perdana menteri kita berharap bahawa rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini dan pada tahun-tahun yang akan datang akan menjadi generasi terakhir warga negara kita yang tinggal di negara yang digelar sedang membangun.

Pendidikan dilihat perlu bertindak sebagai satu institusi sosial memainkan peranan yang penting dalam penyediaan tenaga kerja pakar, teknikal dan profesional. Pendidikan juga dapat membentuk sikap, nilai serta set minda seperti bersedia untuk menerima perubahan, inovasi serta penggunaan sains dan teknologi dalam bidang kerja dan kehidupan seharian terutamanya dalam kalangan generasi muda. Sistem pendidikan negara memerlukan usaha-usaha yang strategik yang

boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap kualiti yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke-21.

Media dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai alat, bahan atau sumber (konkrit atau abstrak) juga dapat digunakan dan dieksploitasi oleh seseorang pelajar secara sistematik untuk tujuan-tujuan mendapatkan maklumat atau mesej-mesej untuk pembelajaran. Kebanyakan daripada kita telah biasa dengan kehidupan dalam dunia yang dipengaruhi oleh media. Menurut Wikinson dalam kajian Nor Hayati Baru (2001), kesan yang ditimbulkan oleh gabungan gambar, perkataan, dan bunyi telah menunjukkan kekekalan yang lebih lama pada penonton secara signifikan daripada apabila ia didengar atau dibaca.

Justeru, kerajaan telah berusaha mempelbagai dan mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua sekolah. Salah satu usaha ini adalah melalui penerbitan TV Pendidikan. TV Pendidikan ialah sebuah saluran televisyen berbentuk pendidikan. TV Pendidikan dimiliki dan diterbitkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia menyiarkan pelbagai rancangan yang sesuai untuk pelbagai mata pelajaran sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Jadi, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dimana pelaksanaan TV Pendidikan ini dikatakan dapat merapatkan jurang penyebaran maklumat di antara sekolah luar bandar dan bandar.

Justeru, pihak kementerian telah mengkaji semula keberkesanan program TV Pendidikan yang telah dijalankan. Hasil kajian yang dijalankan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka satu program baru iaitu dengan memperkenalkan EDUWEBTV.

EDUWEBTV merupakan satu laman web khas yang bercirikan pembelajaran berbentuk digital. Selaras dengan perkembangan negara dan kehendak semasa penonton, EDUWEBTV telah mempelbagai jenis rancangan dan memperluas kumpulan sasar. EDUWEBTV ini diterbitkan kepada pelajar, guru dan masyarakat. Ianya memuatkan semua rancangan yang terdapat dalam TV Pendidikan. Perbezaannya dengan TV Pendidikan ialah EDUWEBTV ditayangkan melalui komputer atau lebih spesifik lagi melalui penggunaan internet berbanding TV Pendidikan yang ditayangkan melalui televisyen.

Oleh hal demikian, guru perlu mempersiapkan diri dengan segala ilmu dan kemahiran menggunakan komputer serta internet. Ini penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan EDUWEBTV berjalan dengan lancar.

### **Pernyataan Masalah**

Bermula pada tahun 2007, siaran rancangan TV Pendidikan telah diubah daripada Rangkaian Astro kepada Rangkaian Media Prima iaitu melalui saluran TV9. Jika dahulu, siarannya berbayar, tetapi setelah berubah ke TV9, siarannya boleh diikuti secara percuma oleh semua golongan. Perubahan ini nampak seolah-olah diterima dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat, sekaligus dijangkakan akan membawa perubahan dari segi bilangan penonton. Tetapi, adakah keadaan ini yang berlaku? Adakah bilangan penonton yang menonton rancangan TV Pendidikan meningkat seperti yang diharapkan? Memandangkan guru merupakan pengaruh yang paling besar kepada corak penontonan pelajar terhadap TV Pendidikan, jadi perlu dikaji sejauh mana tahap penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan guru di sekolah rendah.

Walaupun kepentingan TV Pendidikan ini tidak dapat disangkal lagi, tetapi pelbagai rungutan sering ditimbulkan. Masalah yang sering menjadi rungutan di kalangan guru ialah masalah percanggahan waktu jadual waktu siaran TV Pendidikan dengan jadual waktu kelas. Jovina (2000) pula mendapati ramai dalam kalangan guru yang tidak pernah mengikuti kursus penggunaan teknologi pendidikan. Ini jelas menunjukkan bahawa masalah tidak mendapat

perhatian dan sokongan daripada pihak atasan timbul dalam situasi ini. Akibat kurangnya kemahiran dan pengetahuan tentang teknologi TV Pendidikan menyebabkan guru bersikap malas menggunakan pkhidmatan TV Pendidikan ini. Cara tradisional iaitu '*chalk and talk*' lebih digemari mereka. Adakah masalah-masalah ini menjadi punca utama TV Pendidikan kurang mendapat sambutan di kalangan guru sehingga pihak Kemeterian Pelajaran Malaysia mencari alternatif lain bagi menyiarkan rancangan yang terdapat dalam TV Pendidikan iaitu dengan memperkenalkan EDUWEBTV?

Penerbitan EDUWEBTV ini diharapkan akan membawa perubahan positif dan mengatasi kekurangan yang berlaku dalam TV Pendidikan terutamanya masalah percanggahan jadual waktu. Tetapi, memandangkan penggunaan computer dan internet di sekolah rendah masih lagi berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan penggunaannya di sekolah menengah, adakah EDUWEBTV ini akan digunakan dengan begitu efektif di sekolah rendah? Adakah kelengkapan yang disediakan di sekolah rendah mencukupi? Bagaimana pula dengan kelajuan taliannya? Ataupun mungkin masalah yang berlaku dalam TV Pendidikan turut berlaku dalam EDUWEBTV. Adakah EDUWEBTV ini terbukti lebih menyenangkan guru dan lebih mesra pengguna jika dibandingkan dengan TV Pendidikan? Justeru, apakah persediaan guru dalam menghadapi masalah-masalah sebegini?

Daripada persoalan-persoalan yang ditimbulkan, banyak persoalan yang masih belum terjawab. Jadi, satu kajian akan dijalankan untuk mengetahui sejauhmana tahap penggunaan TV Pendidikan dan tahap kesediaan penggunaan EDUWEBTV dalam kalangan guru di sekolah rendah. Ataupun, mungkin juga guru-guru di sekolah rendah lebih berminat menggunakan TV Pendidikan berbanding EDUWEBTV.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

1. Mengenalpasti tahap penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan guruguru di sekolah rendah dari segi :
  - a. Kekerapan menonton
  - b. Kepentingan TV Pendidikan kepada guru dan murid-murid di sekolah rendah
  - c. Masalah yang dihadapi dalam menggunakan TV Pendidikan
2. Mengenalpasti tahap kesediaan guru di sekolah rendah terhadap penggunaan EDUWEBTV dari segi :
  - a. Tahap pengetahuan tentang EDUWEBTV
  - b. Tahap kesediaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan sedia ada ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
  - c. Masalah yang mungkin dihadapi dalam menggunakan EDUWEBTV

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan guru di sekolah rendah dari segi kekerapan menonton, rancangan yang paling digemari dan kepentingan TV Pendidikan kepada guru dan muridmurid di sekolah rendah. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana tahap kesediaan guru di sekolah rendah terhadap penggunaan EDUWEBTV dari segi pengetahuan tentang penggunaan teknologi komputer, dan kesediaan mengapikasi penggunaan EDUWEBTV dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Melalui kajian yang dijalankan ini, sekurang-kurangnya dapat member kesedaran kepada guru tentang kepentingan TV Pendidikan. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat memperkenalkan EDUWEBTV dan kepentingannya kepada guru, pelajar dan masyarakat.

Keputusan kajian ini juga dapat dijadikan rujukan terutamanya kepada Bahagian Teknologi Pendidikan. Hasil kajian ini berguna mungkin untuk pengubahsuaian ke arah perbaikan terhadap perkhidmatan yang sedia ada.

Selain itu, hasil kajian ini juga turut berguna kepada pihak pengurusan dan pihak sekolah. Diharapkan agar pihak sekolah turut membantu guru menggunakan teknologi seperti menyediakan kursus dan seminar.

### **Rekabentuk Kajian**

Bentuk tinjauan deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumatmaktlumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bentuk kajian deskriptif adalah kajian yang membolehkan maklumat yang mudah dapat dikumpulkan (McMillan & Schumacher, 1984). Kajian deskriptif merupakan satu kajian yang mengkaji mengenai sesuatu peristiwa atau fenomena semasa. Ia boleh dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif (Mohd Najib, 1999).

Set soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat dalam kajian ini. Kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik adalah sesuai untuk pengukuran afektif bagi tujuan mengetahui kecenderungan, sikap, persepsi dan sebagainya (Mohd Najib, 1999). Soal selidik adalah kaedah yang paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat penyelidikan (Mohd Majid, 1990).

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di enam buah sekolah rendah yang di pilih di sekitar daerah Johor Bahru. Tetapi bagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pensampelan untuk memudahkan kajian. Seramai 150 orang guru dari enam buah sekolah rendah di Johor Bahru sahaja dipilih menjadi sampel kajian. Pemilihan sampel adalah secara rawak dan jenisnya adalah pensampelan berkelompok. Ini kerana guru-guru dipilih dari dua kelompok sekolah yang berbeza iaitu sekolah di kawasan bandar dan sekolah di kawasan luar bandar. Antara sekolah yang dipilih di kawasan bandar ialah SK Taman Daya, SK Johor Jaya dan SK Taman Cempaka. Manakala bagi sekolah di kawasan luar bandar, sekolah-sekolah yang dipilih untuk menjalankan kajian ialah SK Gelang Patah, SK Kg Bakar Batu dan SK Sungai Perling. Pemilihan kelompok sekolah ini adalah berdasarkan kepada jarak sekolah dari pusat bandar serta bergantung kepada persekitaran lokasi sekolah tersebut. Kaedah pensampelan jenis ini dipilih kerana sampel mudah dilakukan apabila setiap unit pensampelan bukan lagi unsur daripada populasi, tetapi kelompok unsur daripada pensampelan kawasan (Azizi *et al.* 2006). Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sampel kajian yang terlibat.

### **Instrumen Kajian**

Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpulkan data dan maklumat daripada responden. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang (Oppenheim (1966) dalam Mohd.Najib, 1999). Maka kaedah ini dipilih kerana ia sesuai dengan kehendak pengkaji serta merupakan kaedah yang paling praktikal, berkesan dan menjimatkan masa.

Item-item soal selidik adalah dibina oleh penyelidik sendiri melalui perbincangan dengan penyelia dan rujukan ke atas bahan-bahan yang berkaitan. Kajian rintis akan dijalankan untuk mengukur kebolehpercayaan dan kesahan item-item yang dibina. Soal selidik yang diedarkan mempunyai dua bahagian, iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti umur responden, pengalaman mengajar, memiliki komputer peribadi, dan kekerapan menonton TV Pendidikan. Bahagian ini perlu dikemukakan kerana faktor-faktor latar belakang berkemungkinan mempengaruhi respon daripada responden.

Bahagian B mengandungi 44 item soal selidik yang mewakili item-item yang berkaitan dengan penggunaan TV Pendidikan dan tahap kesediaan guru-guru sekolah rendah terhadap penggunaan EDUWEFTV. Item-item ini dibina berdasarkan kepada objektif kajian.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang masih wujud dalam set soal selidik (Azizi *et al.*, 2006). Prapengujian ini melibatkan pengedaran set soal selidik kepada kelompok responden yang dipilih. Menurut Siegal (1998), tujuan kajian rintis adalah untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian setiap item di dalam instrumen kajian dengan persoalan kajian yang dinyatakan terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sama ada responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang dikemukakan. Responden dibenarkan bertanya jika terdapat pernyataan yang kabur dan kurang jelas.

Kajian rintis ini telah dijalankan pada bulan Januari 2008 yang mana ianya dijalankan secara rawak mudah ke atas 20 orang guru-guru sekolah rendah di Negeri Johor. Didapati bahawa peruntukan masa yang sesuai bagi responden untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan adalah selama 10 minit.

Kajian rintis ini dijalankan bagi mengukur kebolehpercayaan suatu instrumen kajian. Kaedah *Cronbach Alpha* digunakan bagi pengukuran ini dengan bantuan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 11.5. Jika nilai Alpha Cronbach 0.8 hingga 1, maka soal selidik itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Manakala, nilai 0.6 hingga 0.7 pula, menunjukkan soal selidik yang diuji mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Dalam kajian ini, didapati nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi semua item soal selidik tersebut adalah 0.8340. Ini bermakna, soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Soal selidik ini telah disahkan oleh pensyarah pembimbing serta dua orang pensyarah lain yang mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan.

### **Analisis Data**

Terdapat 8 item iaitu item 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43 dan 44 yang dikemukakan dalam bahagian masalah penggunaan EDUWEFTV ini. Data yang dianalisis dipermudahkan dalam bentuk jadual seperti dalam Jadual 4.14. Item yang mempunyai nilai min tertinggi merupakan item 44 (min 3.60). Sebilangan besar 50 orang responden (66.7%) bersetuju dan 17 orang responden (22.7%) memilih tidak pasti dan selebihnya 8 orang responden (10.7%) memilih tidak setuju.

Item yang mencatat min kedua tinggi pula ialah item 40 dengan nilai min 3.35 yang mana seramai 44 orang responden (58.7%) memilih setuju, 16 orang responden (21.3%) tidak pasti dan selebihnya 15 orang responden (20.0%) yang memilih tidak setuju.

**Jadual 4.14 :** Taburan responden Mengikut Peratus dan Min Bagi Masalah Penggunaan EDUWEBTV di Sekolah Rendah di Luar Bandar

| Item / Soalan   | 1<br>Tidak<br>Setuju<br>(%)<br>(N)  | 2<br>Tidak<br>Pasti<br>(%)<br>(N) | 3<br>Setuju<br>(%)<br>(N) | Min  |
|---|---|-----------------------------------|---------------------------|------|
|   | 37. Sekolah saya tidak dilengkapi dengan kemudahan komputer yang mencukupi untuk melayari EDUWEBTV. | 13.3<br>10                        | 50.7<br>38                |      |
| 38. Saya memerlukan masa yang panjang untuk melayari laman EDUWEBTV.  | 18.7<br>14  | 36.0<br>27                        | 45.3<br>34                | 3.23 |
| 39. Pihak pengurusan sekolah tidak memberi galakan / sokongan dalam menggunakan EDUWEBTV.   | 29.3<br>22  | 54.7<br>41                        | 16.0<br>12                | 2.75 |
| 40. Saya tidak mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menggunakan EDUWEBTV.  | 20.0<br>15  | 21.3<br>16                        | 58.7<br>44                | 3.35 |
| 41. Visual dan audio dalam kandungan laman EDUWEBTV berada dalam tahap tidak memuaskan.   | 10.7<br>8   | 80.0<br>60                        | 9.3<br>7                  | 2.99 |
| 42. Saya tidak dapat menjalankan proses P&P dengan lancar kerana laman EDUWEBTV tidak dapat dilayari dengan cepat pada setiap masa. | 5.3<br>4  | 80.0<br>60                        | 14.7<br>11                | 3.13 |
| 43. Sistem internet di sekolah saya kurang memuaskan untuk saya melayari EDUWEBTV.  | 21.3<br>16  | 62.7<br>47                        | 16.0<br>12                | 3.03 |
| 44. Saya menghadapi masalah untuk memuat turun bahan-bahan yang terdapat dalam laman EDUWEBTV.                                      | 10.7<br>8   | 22.7<br>17                        | 66.7<br>50                | 3.60 |
| <b>Min Keseluruhan : 3.16</b>   |   |                                   |                           |      |

Ini diikuti oleh item 38 yang mempunyai nilai min 3.23. Seramai 34 orang responden (45.3%) memilih setuju, 27 orang responden (36.0%) memilih tidak pasti dan 14 orang responden (18.7%) memilih tidak setuju. Seterusnya ialah item 37 dimana seramai 27 orang responden (36.0%) memilih setuju, 38 orang responden (50.7%) memilih tidak pasti dan sebilangan kecil, 10 orang responden (13.3%) sahaja memilih tidak setuju.

Item berikutnya ialah item 42 yang mempunyai nilai min 3.13. Berdasarkan item ini, seramai 11 orang responden (14.7%) memilih setuju, 60 orang responden (80.0%) memilih tidak pasti dan 4 orang responden (5.3%) memilih tidak setuju. Nilai min bagi item 43 adalah 3.03. Seramai 12 orang responden (16.0%) setuju diikuti 47 orang responden (62.7%) memilih tidak pasti. Walau bagaimanapun, 16 orang responden (21.3%) memilih tidak setuju.

Item seterusnya adalah item 41 dengan min 2.99 yang memperlihatkan seramai 7 orang responden (9.3%) memilih setuju dan 60 (80.0%) orang responden memilih tidak setuju. Namun demikian, masih terdapat 8 orang responden (10.7%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Akhir sekali, item yang mencatatkan nilai min yang paling rendah ialah item 39. Didapati, seramai 12 orang responden (16.0%) setuju diikuti 41 orang (54.7%) tidak pasti sama ada pihak sekolah ada memberi sokongan dalam menggunakan EDUWEBTV ataupun tidak. Seramai 22 orang responden (29.3%) tidak setuju dengan pernyataan ini.

## **Perbincangan**

Kajian ini mendapati bahawa tahap kekerapan penggunaan TV Pendidikan dalam kalangan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua jenis sekolah adalah di tahap yang rendah. Ini disokong oleh kajian Nor Hayati Baru (2001) yang meninjau penggunaan TV Pendidikan di kalangan guru-guru di empat buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu yang menyatakan bahawa sambutan guru-guru terhadap TV Pendidikan kurang memuaskan di mana mereka kurang menggunakan TV Pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Mohd Jasmy (1997) pula mendapati tahap penggunaan media seperti TV Pendidikan sebagai alat pengajaran dalam kalangan guru adalah pada tahap yang rendah. Ini bertepatan dengan hasil dapatan kajian ini yang memberikan jawapan yang sama dimana tahap penggunaan TV Pendidikan masih lagi berada pada tahap yang rendah walaupun perubahan telah dilakukan iaitu dengan menyiarkannya melalui saluran TV9.

Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi kekerapan menonton TV Pendidikan antara sekolah kawasan bandar dan luar Bandar (Jadual 4.5 dan 4.6). Kebanyakan guru tidak membawa pelajar menonton TV Pendidikan dan mereka tidak merakam rancangan TV Pendidikan untuk ditayangkan kepada pelajar. Di sini, dapat dikatakan bahawa sikap guru itu sendiri yang tidak minat menonton TV Pendidikan. Jika guru itu sendiri tidak menunjukkan reaksi positif terhadap TV Pendidikan, mana mungkin guru tersebut membawa pelajar menonton TV Pendidikan. Pernyataan ini disokong oleh Arnove (1976) yang menjelaskan bahawa guru-guru sendiri yang bersikap negatif terhadap teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal demikian, lokasi sekolah bukanlah merupakan faktor penyebab TV Pendidikan kurang mendapat sambutan.

Persoalan kajian ini dikaji bertujuan mencari jawapan sama ada TV Pendidikan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran ataupun tidak. Bagi sekolah di kawasan bandar, majoriti guru bersetuju mengatakan bahawa TV Pendidikan memberi banyak idea dan kaedah pengajaran berkesan kepada guru. Walaupun mereka tidak menonton TV Pendidikan, tetapi kebanyakan guru menyedari dan mengakui akan kepentingan TV Pendidikan ini. Disebabkan beberapa masalah seperti kekangan masa dan kekurangan kemudahan menonton, ramai dalam kalangan guru yang mengambil keputusan untuk tidak menggunakan TV Pendidikan. Adalah amat merugikan kepada pihak yang terlibat, khususnya Bahagian Teknologi Pendidikan yang bertungkus-lumus menyediakan program pendidikan tetapi tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru.

Selain itu, ramai juga dalam kalangan guru yang bersetuju mengatakan bahawa para pelajar lebih seronok belajar menggunakan TV Pendidikan berbanding kaedah pengajaran tradisional jika kemudahan TV Pendidikan dapat digunakan sepenuhnya. Ini kerana guru memberikan pengalaman dan situasi baru kepada pelajar. Guru juga dapat menarik minat terhadap pembelajaran dan mengurangkan rasa bosan pelajar kerana corak persembahan pembelajaran yang tersusun dan teratur.

Di samping itu, menurut Dr. Maizurah (2000) dalam kertas kerjanya yang bertajuk penggunaan TV Pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran, menyatakan bahawa gambaran visual di televisyen yang memaparkan keadaan dunia sebenar boleh memberi pengalaman konkrit bagi memudahkan proses pembelajaran. Namun demikian, hasil dapatan kajian ini menunjukkan pernyataan "saya menggunakan TV Pendidikan sebagai bahan bantu mengajar saya" menunjukkan nilai min yang paling rendah bagi sekolah rendah di kawasan bandar. Ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru tidak memanfaatkan kepentingan TV Pendidikan ini.

Disebabkan hal inilah, majoriti responden tidak pasti sama ada penggunaan TV Pendidikan dapat mempertingkatkan prestasi pencapaian pelajar ataupun tidak.

### **Rujukan**

- Arnove, R. F. (1976). *Educational TV, A Policy Critique & Guide for Developing Countries*. New York: Praeger.
- Atkinson, D. F and Locatis, N.C. (1984). *Media and Technology for Education and Training*. Charles E. Merrill Publishing Company: Columbus, Ohio.
- Bahagian Perkhidmatan Media Pendidikan (1986). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- E. Choat and H. Griffin (1989). *Using Television In The Primary School*. Routledge, London and New York.
- Fatimah Syahida Binti Jusoh (2006). *Kajian Penggunaan TV Pendidikan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru-guru di Empat Buah Sekolah Bestari di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Gerald J. Gorn, Marvin E. Goldberg, and Rabindra N. Kanungo (1976). *The Role of Educational Television in Changing the Intergroup Attitudes of Children*. McGill University: Canada
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2003). *Multimedia Dalam Pendidikan*, PTS Publications: Bentong
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*.30, 607-616
- Losinin (2004). *Tinjauan Penggunaan TVP Daerah Ranau*. Jurnal Bil. 2/2004: Pusat Sumber Pendidikan Negeri Sabah..
- McMillan, J.H & Schumacher, S. (1984).*Research In Education*. Boston: Little, Brown & Company Limited.
- Nor Hayati Binti Baru (2001). *TV Pendidikan Dalam Rangkaian ASTRO Di Sekolah. Satu Tinjauan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Prof. Madya Dr. Fattawi Mokhtar dan Dr. Maizurah Omar. *Penggunaan Rancangan TVP dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Seminar Kebangsaan Tentang Penggunaan Bahan Sumber Pendidikan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Jun 26-28, 2001. Bahagian Teknologi Pendidikan BTP, KPM. 2001. 1-17
- Robert F. Arnove (1976). *Educational Television*. Praeger Publisher New York, Washington and London.
- Suriati A. Rahman. (2007). *Persepsi Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Pembelajaran Koperatif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tengku Iskandar (1994). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vernoy, M. and Kyle, D. (2002). *Behavioral Statistics in Action*. Boston: Mc Graw Hill.
- Woolfolk, A.E. (1995). *Educational Psychology* (6th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Zaihasra Binti Abdullah @ Harun (2000). *Penontonan TV Pendidikan Di Kalangan Pelajar Tingkatan 1 dan 2 Di Sekolah-sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.